

29 SEP 2001

Polis-Militan

POLIS AKAN SIASAT TANPA MENGIRA PARTI, JAMIN TIMBALAN KPN

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Polis akan menyiasat sesiapa sahaja yang didakwa melanggar undang-undang tanpa membezakan antara penyokong parti politik pembangkang atau sebaliknya, kata Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Mohamed Jamil Johari hari ini.

Beliau berkata siasatan polis akan berasaskan maklumat yang diterima dan hasil siasatan itu diserahkan kepada Peguam Negara.

"Jika ada bukti dan ada kes, hasil siasatan akan diserahkan kepada Peguam Negara untuk memutuskan sama ada untuk dibicarakan ataupun undang-undang pencegahan digunakan," katanya pada sidang media selepas perbarisan tamat latihan Kursus Asas Kadet ASP dan Inspektor di Pusat Latihan Polis (Pulapol) di sini.

Mohamed Jamil berkata demikian kita diminta mengulas dakwaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan mempunyai bukti dokumen dan bergambar yang menunjukkan anggota kumpulan militan tempatan dilatih oleh puak Taliban di Afghanistan bagi menumbangkan kerajaan secara ganas.

Dr Mahathir juga berkata mereka itu adalah dari parti PAS tetapi bertindak bersendirian kerana merasakan cara demokratik tidak mungkin boleh memberi kesan kepada parti pembangkang itu melainkan cara militan.

Apabila ditanya tentang perkembangan tujuh anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM) yang dikenalpasti polis Perak, Mohamed Jamil berkata perkara itu masih dalam siasatan.

Katanya langkah menjejak anggota kumpulan itu tidak mudah kerana mereka bergerak dengan menggunakan pelbagai dokumen perjalanan.

Beliau tidak menolak kemungkinan anggota kumpulan itu menggunakan nama lain semasa di luar negara dan kembali menggunakan identiti mereka yang sebenarnya di tanahair.

-- BERNAMA

NJ MFJ RON